

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX

Tarikh : 15 Jun, 2011

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2011

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Ketua Projek
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

GARIS PANDUAN PENURUNAN KUASA MELULUSKAN PESANAN RASMI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan lanjutan daripada Pekeliling Bendahari Bilangan 3/2011: Perubahan Peraturan dan Kaedah Perolehan Universiti, Panjar Wang Runcit dan Pembayaran Kepada Pembekal/Kontraktor, berikut disertakan maklumat penting sebagai panduan umum.

A. Objektif Penurunan Kuasa Meluluskan Pesanan Rasmi (PR) kepada PTJ

- (1) Sebagai langkah awal dalam usaha Jabatan Bendahari untuk memberi autonomi pengurusan kewangan kepada PTJ.
- (2) Membolehkan PTJ memproses perolehan dengan lebih cepat tanpa menunggu kelulusan Jabatan Bendahari
- (3) Mengatasi masalah ketidakpatuhan peraturan pembelian tanpa pesanan rasmi yang kerap berlaku di PTJ
- (4) Mengelakkan PTJ terlebih belanja akibat pembelian tanpa Pesanan Rasmi kurang dari RM1,000.00. Kawalan peruntukan dan perbelanjaan yang kurang berkesan di peringkat PTJ.
- (5) Meluluskan Pesanan Rasmi oleh PTJ sendiri lebih sesuai dan merupakan amalan yang dibuat oleh kebanyakan agensi kerajaan lain yang boleh meluluskan pesanan sendiri tanpa bergantung kepada agensi pusat.
- (6) Sebagai langkah awal peralihan Sistem Kewangan Universiti yang baru yang akan menggunakan kaedah-kaedah yang lebih terkini dalam perolehan seperti e-perolehan yang mana lebih sesuai dilaksanakan oleh PTJ.
- (7) Bagi melancarkan lagi proses penyampaian perkhidmatan di PTJ yang semakin bertambah dari segi bilangan, saiz serta peruntukan yang diberi.

B. Panduan Umum Penurunan Kuasa


Panduan umum penurunan kuasa bagi membantu proses penurunan kuasa adalah seperti berikut:

- (1) Had maksimum kuasa meluluskan adalah setakat RM5,000. Nilai ini akan dipertingkatkan apabila semua PTJ telah benar-benar bersedia menerima tanggungjawab lebih besar.
- (2) Kuasa meluluskan Pesanan Rasmi boleh diberikan mengikut kesesuaian jawatan pegawai pengurusan dan profesional yang ada di PTJ seperti berikut:
 - (a) Gred 48 dan ke atas sehingga RM5,000
 - (b) Gred 41 dan 44 sehingga RM3,000
 - (c) Gred 40 dan ke bawah sehingga RM3,000 (tertakluk kepada keperluan PTJ serta kedudukan kakitangan di PTJ)
 - (d) Bukan semua pegawai atau kakitangan akademik perlu diberi kuasa ini
- (3) Sebarang perubahan had kuasa hendaklah dipohon kepada Bendahari dan disokong oleh Ketua PTJ masing-masing.
- (4) Semua permohonan penurunan kuasa hendaklah dibuat secara bertulis kepada Bendahari, UKM.

Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada kakitangan di bawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.
- Pendaftar, UKM

Zjmak/pekeliling3-2011baru2